

**BANK ISLAM LANCAR PREMIER WEALTH CENTRE***Sedia khidmat nasihat mendorong penyelesaian pelaburan inovatif*

**KUALA LUMPUR, Khamis, [1 Ogos 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) melancarkan *Premier Wealth Centre* utama mereka di Menara Bank Islam. Pelancaran ini adalah sebahagian daripada strategi Bank untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada Individu Berpendapatan Tinggi (HNW) dan segmen pasaran mewah yang kian berkembang.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram, berkata pusat-pusat baharu ini akan berada di kawasan utama yang mempunyai pertumbuhan tinggi untuk menyokong matlamat Bank Islam meningkatkan pengalaman pelanggan dan menyediakan penyelesaian pembiayaan patuh Syariah yang diperbadikan.

“*Premier Wealth Centre* menawarkan khidmat setempat untuk nasihat khusus, kewangan beretika, dan keistimewaan gaya hidup. Ia direka untuk memenuhi keperluan pelanggan mewah melalui pengalaman perbankan yang lebih peribadi dan bermakna.

“Setiap pusat akan dianggotai oleh Pengurus Perhubungan yang berpengalaman, menawarkan khidmat seperti perancangan pelaburan, takaful, perancangan harta, dan kewangan sosial. Kami berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak *Premier Wealth Centre* di seluruh negara menjelang akhir 2025 untuk memberi khidmat pelanggan lebih baik”, katanya.

Inisiatif ini sejajar dengan pelan transformasi Bank Islam untuk menstruktur semula cawangan-cawangan kepada *Wealth and Experience Hubs*. Ini juga menyokong tonggak Pengalaman Pelanggan Bank dengan memperkuuh keupayaan nasihat dan menyediakan perkhidmatan yang lancar serta berdasarkan nilai.

Penawaran semasa Pengurusan Kekayaan Bank Islam merangkumi amanah saham, takaful, perancangan harta pusaka, produk perbendaharaan, serta dagangan saham.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.